



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892208
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/97 Jld. 4 (58)
Tarikh : 6 April 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19 KE GRED W22 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk mengemukakan maklumat Pembantu Tadbir (Kewangan) [PT (Kew)] Gred W19 yang layak dipertimbangkan pemangkuan ke Gred W22 berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 **Disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.2 **Dilantik sebagai PT (Kew) Gred W19 pada 31 Disember 2009 dan sebelum, (tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan berubah ke tarikh 1 Januari 2010 dan seterusnya);**
- 2.3 **Tidak layak/tidak memilih untuk opsyen tukar lantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;**
- 2.4 Markah LNPT tahun terkini (2020) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2018, 2019 dan 2020) tidak kurang **80%**;
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**



3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** seperti disertakan dan calon-calon yang **bersedia untuk penempatan mengikut kekosongan di seluruh negara sahaja digalakkan memohon untuk urusan pemangkuan ini.**

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 5 Mei 2021** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

5. Dimaklumkan bahawa, adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2 sahaja** dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut **tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** **tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- | | | | |
|-----|--|---|--------------|
| i. | Encik Mohd Fauzi bin Hashim
fauzi.hashim@jpa.gov.my | - | 03-8885 4782 |
| ii. | Puan Norsiti Farrah binti Roslan
farrah.roslan@jpa.gov.my | - | 03-8885 4147 |

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110
✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my